

## ABSTRAK

Migrasi dalaman memainkan peranan penting dalam proses pembangunan ekonomi, pertumbuhan perbandaran dan perkembangan industrialisasi negara. Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji kesan sosio-ekonomi migrasi keluar desa ke atas komuniti pertanian yang mengalami pengurangan penduduk. Data yang digunakan dalam kajian ini berasaskan survei isi rumah yang dijalankan di Kerian, Hilir Perak, Sabak Bernam dan Rembau.

Keputusan Regresi Logit Multinomial menunjukkan migrasi keluar desa memberikan kesan positif ke atas taraf hidup isi rumah melalui wang kiriman yang dihantar oleh migran. Dalam konteks kajian ini, lawatan oleh migran bukan merupakan cara yang efektif dalam mengeratkan hubungan kekeluargaan kerana hanya 46.2% daripada tanggapan ketua isi rumah dapat diramal dengan tepat oleh model Regresi Logit Multinomial.

Masalah kekurangan buruh ekoran daripada migrasi keluar desa merupakan punca utama yang telah menyebabkan kemerosotan dalam output dan produktiviti pertanian terutamanya di sektor getah dan kelapa. Analisis Regresi Logit Multinomial menunjukkan kekurangan penglibatan golongan muda dalam aktiviti kampung mendorong ketua isi rumah bertanggapan bahawa migrasi keluar desa memberi kesan negatif ke atas pembangunan komuniti.

Migrasi keluar desa bukan sahaja menyebabkan perubahan dalam struktur hidup sesebuah isi rumah malah ia juga mempengaruhi corak penggunaan tanah dan buruh asing di sektor pertanian. Masalah tanah terbiar secara relatifnya adalah lebih serius di Rembau dengan sektor utama getah sementara hanya 38% daripada ketua isi rumah melaporkan buruh asing wujud di kawasan tinggal mereka.

Oleh kerana migrasi keluar desa sering dikaitkan dengan kemunduran sektor pertanian, usaha kerajaan dalam membangunkan luar bandar harus dipercepatkan supaya jurang perbezaan pertumbuhan ekonomi dan pembangunan sosial di antara kawasan luar bandar dan bandar dapat dikurangkan selaras dengan objektif penyusunan semula masyarakat.